

# Selesaikan isu tertangguh

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**  
(WARTAWAN UTUSAN)

**SESI** makan durian siam dan Balik Pulau yang menjadi atur cara terakhir sempena kunjungan dua hari Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong ke Pulau Langkawi bagi mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menggambarkan hubungan intim kedua-dua pemimpin.

Terdahulu sejak awal pagi, Hsien Loong bersama Abdullah yang juga dipanggil Pak Lah oleh pemimpin negara jiran itu, duduk bersarapan berdua dan mengadakan sidang akhbar bersama sebelum menikmati makan tengah hari di atas kapal Star Cruises di Terminal Porto Malai.

Seperti kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, *chemistry* antara Pak Lah dan Hsien Loong cukup baik - lantas ini memberi harapan kepada fasa senario hubungan dua hala yang lebih tenang dan membrangsgangkan.

Dan sememangnya hubungan baik itu membuahkan hasil apabila di akhir pertemuan tidak rasmi itu, kedua-dua pemimpin mengumumkan persetujuan untuk menubuhkan jawatankuasa khas peringkat menteri yang akan memantau dan memperincikan kerjasama kedua-dua negara dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan Johor - khususnya dalam sektor pelancongan, pelaburan dan hubungan manusia yang memberi kemudahan akses keluar masuk menggunakan kad pintar tanpa pasport kepada pelabur dan pelawat wilayah itu.

Hsien Loong secara terbuka menga-

persegi yang bernilai berbilion ringgit itu.

Dengan jarak tidak sampai sepelaung dari wilayah itu, Singapura sudah tentu tidak mahu berada dalam kekaburan mengenai perkembangannya dan tidak dapat tidak perlu terlibat sama.

Dalam hal ini, penubuhan jawatankuasa khas peringkat menteri itu akan memberikan akses tentang maklumat terkini status WPI kepada republik itu.

Menyedari potensi wujudnya tanggapan serong terhadap jawatankuasa yang akan dianggotai menteri dari Singapura ini, Perdana Menteri terpaksa memanggil semula media bagi menjelaskan bahawa jawatankuasa itu bukan memainkan peranan *consultative* yang akan merundingi projek-projek WPI sebaliknya mencari peluang kerjasama termasuk pelaburan dalam wilayah berkenaan.

Atas minat yang ditunjukkan oleh Singapura itu, Perdana Menteri sehubungan itu mengalu-alukan penyertaan republik itu memandangkan kedudukan kedua-dua negara yang cukup dekat tidak ubah seperti Hong Kong dan Shenzen di China. Kejayaan WPI akan melimpah ke republik itu dan begitu jugalah sebaliknya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman ketika ditemui turut menjelaskan penubuhan jawatankuasa khas peringkat menteri itu bukan bermakna republik berkenaan boleh campur tangan dalam menentukan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan mahupun sebarang keputusan berkenaan wilayah berkenaan.

Malaysia dan Singapura mempunyai banyak isu tertangguh dua hala yang masih belum diselesaikan selain projek baru yang tidak dapat dilaksanakan seperti pembinaan jambatan mengg-

Malaysia dan Singapura mempunyai banyak isu tertangguh dua hala yang masih belum diselesaikan selain projek baru yang tidak dapat dilaksanakan seperti pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor yang telah berusia 80 tahun



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Lee Hsien Loong semasa pertemuan tidak rasmi di Pulau Langkaw, kelmarin.

kui bahawa Singapura kini memerhatikan penuh minat perkembangan WPI dan membuat penilaian mengenai tahap penglibatan republik berkenaan.

Sejarah hubungan diplomatik menyaksikan negara jiran itu tidak akan terlibat dalam sebarang urusan niaga yang tidak menguntungkan kepadanya dan perkembangan terbaru ini menunjukkan negara seberang tambak itu telah melihat potensi WPI untuk muncul sebagai wilayah Asia yang pesat membangun dan mungkin mengejar kepesatan di China dan India.

Dalam hal ini, sudah tentu Singapura tidak mahu ketinggalan untuk 'membantu' Malaysia dalam projek pembangunan wilayah seluas 2,200 kilometer

tikan Tambak Johor yang telah berusia 80 tahun.

Abdullah dan Hsien Loong mengakui isu-isu yang tertangguh sejak sekian lama tersebut rumit untuk diselesaikan. Justeru kedua-dua pemimpin sepakat untuk tidak menjadikan 'isu-isu lama' itu sebagai penghalang bagi kedua-dua negara menjalin usaha sama dalam bidang seperti pelaburan dan pelancongan yang memberi faedah bersama.

Bagaimanapun dalam pada kedua-dua negara sibuk meneroka ruang kerjasama baru, 'isu-isu lama' itu tidak boleh selama-lamanya diletakkan ke tepi tanpa ada komitmen serius untuk menyelesaikannya.

Hsien Loong ketika ditanya betapa

serius kerajaannya hendak menyelesaikan isu-isu tersebut, membayangkan keinginan ke arah mencari penyelesaian.

Beliau turut membayangkan kemungkinan merujuk isu-isu tersebut kepada pihak ketiga iaitu Timbang Tara Antarabangsa sebagai jalan penyelesaian akhir seperti yang telah dilakukan dalam isu tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih.

Namun kalangan penganalisis hubungan diplomasi dan para diplomat Malaysia melihat penyelesaian isu-isu tertangguh dua hala dengan Singapura sebenarnya boleh diselesaikan tanpa perlu melibatkan pihak ketiga.

Antaranya isu pengeluaran caruman Wang Simpanan Pusat (CPF) rakyat Malaysia dari Semenanjung yang bekerja di republik itu. Ini kerana tidak ada bezanya pekerja Malaysia dari Semenanjung dengan dari Sabah dan Sarawak yang bebas daripada isu itu.

Di sinilah Singapura boleh menunjukkan keikhlasan untuk menyelesaikan dahulu isu-isu tertangguh yang kurang sukar selaras komitmen yang dinyatakan oleh Perdana Menteri republik itu di Langkawi. Dari situ, kedua-dua negara dapat mengorak langkah ke era hubungan baru yang lebih harmoni dan tanpa sangsi.